

**KERJASAMA MoU ANTARA
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)
DAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

1.0 PELAKSANAAN PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (*MEMORANDUM OF UNDERSTANDING*) DI ANTARA INSTUN (MEWAKILI KERAJAAN MALAYSIA) DENGAN UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

1.1 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UPSI dengan INSTUN telah diadakan pada 3.00 petang, 15 Mei 2015 (Jumaat), bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Canselori, Kampus Sultan Azlan Shah, Tanjong Malim. Majlis ini dikendalikan oleh Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI.

Majlis yang ringkas tetapi penuh bermakna ini disempurnakan oleh Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, Naib Canselor UPSI dan Y.Bhg Tuan Mohd 'Ashraf bin Mohd Noor, Mantan Pengarah INSTUN serta disaksikan oleh Pendaftar masing-masing. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar turut diwakili oleh Encik Mohd Sharif bin Mohamad Yaakob, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan serta Encik Azizul Kamaredzuan bin Azizul Akimi, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Tanah, Ukur dan Pemetaan untuk menyaksikan saat bersejarah ini.

1.2 Bidang Kerjasama

Perjanjian MoU ini akan menyaksikan pelbagai bentuk kerjasama dalam bidang – bidang seperti berikut:-

- a) Pelaksanaan program penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan tanah, ukur dan pemetaan;
- b) Pelaksanaan program latihan yang berkaitan tanah, ukur dan pemetaan;
- c) Pelaksanaan program penerbitan yang berkaitan tanah, ukur dan pemetaan;
- d) Perkongsian dan pertukaran data yang berkaitan tanah, ukur dan pemetaan;
- e) Perkongsian kepakaran di antara Pihak-pihak terutama dalam bidang tanah, ukur dan pemetaan dari semasa ke semasa.

- f) Penggunaan kemudahan tempat/premis berkaitan program yang dipersetujui bersama oleh Pihak-pihak untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran.
- g) Pelaksanaan program penempatan tenaga pakar mengikut kesesuaian masa dan bidang yang dipersetujui bersama oleh Pihak-pihak, dan
- h) Apa-apa perkara lain dalam bidang kerjasama yang dipersetujui oleh Pihak-pihak dari semasa ke semasa.

1.3 **Senarai Kerjasama Terkini MoU UPSI – INSTUN**

Berikut merupakan pelaksanaan aktiviti-aktiviti kerjasama berkaitan MoU di antara UPSI – INSTUN yang telah dilaksanakan bagi tahun 2015 sehingga 2018:-

BIL.	PERKARA	PELAKSANAAN
1.	<p><u>Program Simfoni Seni</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - mencungkil bakat Kakitangan INSTUN dengan hasil karya daripada pendidik dan pelajar UPSI telah membawa kepada penyertaan program tersebut di peringkat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. 	2015
2.	<p><u>Penganjuran pertandingan sukan sempena Sukan NRE 2015</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - melibatkan kakitangan dan pelajar daripada UPSI selaku Penyelaras Bersama Kakitangan INSTUN. Ia bukan sahaja platform untuk menjalin silaturahim tetapi juga membuka ruang untuk kakitangan sesama dua entiti meneruskan pelbagai aktiviti pada masa akan datang. 	9-11 Oktober 2015
3.	<p><u>Kursus Penyediaan Kertas Penyelidikan Selaras Way Forward INSTUN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - pelaksanaan kursus di Hotel Flamingo, Pulau Pinang dengan bimbingan daripada Prof. Madya Dr. Nasir Nayan dan Dr. Mohmadisa Hashim daripada UPSI. 	7-9 Disember 2015
4.	<p><u>Latihan industri di INSTUN Tahun 2015</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Penempatan pelajar UPSI (seramai 3 orang) untuk menjalankan latihan industri di INSTUN bersesuaian dengan kos pengajian mahasiswa/wi. 	Dari semasa ke semasa

5.	<p><u>Program Universal Languages for Basic Communications</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Pelaksanaan program yang diadakan di Bilik Induksi, INSTUN dengan kehadiran pegawai-pegawai INSTUN untuk mempelajari perkataan asas bagi Bahasa Sepanyol, Jerman, Jepun, Mandarin dan Bahasa Arab. Program Khidmat Masyarakat daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI ini telah mendapat perhatian dan sambutan yang baik di kalangan warga INSTUN. 	31 Mac 2016
6.	<p><u>Persembahan Kebudayaan (Majlis Rasmi Pembukaan & Penutup Program MTCP 2016)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - UPSI telah memberikan kerjasama kepada INSTUN dalam menyediakan persembahan kebudayaan dan selingan pertunjukan yang cukup menarik dalam program MTCP bagi tahun 2016 semasa upacara perasmian (14 Ogos) dan upacara penutup (26 Ogos). 	14 & 26 Ogos 2016
7.	<p><u>Latihan industri di INSTUN Tahun 2016</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Penempatan pelajar UPSI (seramai 4 orang) untuk menjalankan latihan industri di INSTUN bersesuaian dengan kos pengajian mahasiswa/wi. 	Dari semasa ke semasa
8.	<p><u>Program Majlis Jelaiah Memahami Dasar Ekonomi Negara</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Penganjuran majlis penerangan “Memahami Dasar Ekonomi Negara” yang disampaikan oleh YBhg. Dato’ Lokman Noor bin Adam Pengarah Komunikasi Strategik, MOF untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap polisi ekonomi dan rasionalisasi subsidi. - 10 orang wakil INSTUN turut hadir ke program berkenaan. 	9 Mei 2017
9.	<p><u>Wacana Ilmu: Penggunaan Drone Dalam Aktiviti Pemetaan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Kumpulan sasar terdiri dari pelajar (150 orang) dan pensyarah (10 orang) dari Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI. - Menggantikan slot Kuliah Pengenalan dan Aplikasi GIS, Jab. Geografi & Alam Sekitar UPSI. - 2 jam pertama diisi dengan ceramah dan 1 jam seterusnya aktiviti demonstrasi Drone dan diadakan di kampus baru UPSI. 	19 Mei 2017; telah ditunda dan berjaya dilaksanakan pada 25 September 2017

	<ul style="list-style-type: none"> - Keperluan seramai 1 orang penceramah dan 2 orang fasilitator (BUP INSTUN) yang masing-masing dibayar elaun saguhati dari pihak UPSI. 	
10.	<p><u>Lawatan Teknikal ke UPSI sempena MTCP 2017</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Kunjungan dan lawatan ke UPSI telah diatitkan dan antara tempat yang dicadangkan untuk lawatan adalah Muzium Pendidikan UPSI (kampus lama) & Fakulti Sains Kemanusiaan (kampus baru). 	17 Ogos 2017
11.	<p><u>Program Seminar Sehari: Memperkasakan Metodologi Penyampaian Tenaga Pengajar</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - INSTUN dengan kerjasama Fakulti Pembangunan Manusia, UPSI telah mengadakan program tersebut yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mohammad Aziz Shah bin Mohamed Arip. Butiran program sebagai penceramah. - Tujuan utama program ini adalah untuk berkongsi pengalaman dalam menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran pedagogi di dalam kelas bagi keperluan peserta kursus di INSTUN. Di samping itu, matlamat program ini bertujuan untuk memberi kefahaman dan teknik berkesan dalam memperkasakan metodologi penyampaian tenaga pengajar INSTUN semasa sesi kursus berlangsung pada khususnya dan sesi di luar kelas amnya. 	<p>Tarikh: 11 September 2017 (Isnin)</p> <p>Masa: 8.30 pagi – 4.30 petang</p> <p>Tempat: Bilik Seminar Aminuddin Baki, Blok 7, Kampus UPSI Baru</p>
12.	<p><u>CSR</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - UPSI telah terlibat dengan program anjuran INSTUN iaitu Program Lawatan Kerja Kembara Amal Merdeka INSTUN ke Pejabat Tanah dan Daerah Pengkalan Hulu, Perak, Asrama Anak Yatim Al-Taqwa & Betong, Thailand. 	26 – 28 Oktober 2017
13.	<p><u>Pesta Pantun di UPSI</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Puan Haslina Tan Sali (wakil daripada INSTUN) telah menghadiri diri ke pesta tersebut atas jemputan UPSI. 	September 2017
14.	<p><u>Program Bedah Buku</u></p>	September 2017

15.	<p><u>Latihan industri di INSTUN Tahun 2017</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Penempatan pelajar UPSI (seramai 13 orang) untuk menjalankan latihan industri di INSTUN bersesuaian dengan kos pengajian mahasiswa/wi. 	Dari semasa ke semasa
16.	<p><u>Jemputan Menghadiri Program Sambutan Israk Mikraj Peringkat UPSI</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Seramai 5 pegawai INSTUN dijemput dalam program tersebut yang bertempat di Auditorium Utama, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI (edaran e-mel oleh PSM). 	13 April 2018
17.	<p><u>Kursus Penulisan Penyelidikan dan Artikel bagi Tenaga Pengajar INSTUN Tahun 2018</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Seramai 50 pegawai INSTUN telah dijemput untuk menyertai kursus tersebut untuk diberikan pendedahan mengenai ilmu berkaitan bidang penulisan penyelidikan & artikel yang mana melibatkan tenaga pengajar daripada para pensyarah Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI bertempat di Bilik Latihan Utama, Bahagian Sumber Manusia, Bangunan Institut Pengajian Siswazah (Kampus Lama UPSI) (kursus dianjurkan oleh R&D). 	18 – 20 April 2018
18.	<p><u>Jemputan Menghadiri Program Sambutan Nuzul Al-Quran UPSI 1439H</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Warga INSTUN dijemput ke program tersebut anjuran Pusat Islam UPSI bertempat di Auditorium Utama, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (Kampus Lama). Ceramah disampaikan oleh YBhg. Kapt (B) Dato' Hj. Mohd Najmuddin bin Elias Al-Hafiz, bertajuk "Al-Quran BFFku" (edaran e-mel oleh PRO INSTUN). 	31 Mei 2018
19.	<p><u>Jemputan Menghadiri Program Sambutan Awal Muharam 1440H Peringkat UPSI</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Warga INSTUN dijemput ke program tersebut anjuran Pusat Islam UPSI bertempat di Panggung Budaya, Fakulti Seni Muzik dan Persembahan, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Ceramah disampaikan oleh As Salam Buskers (Zul Handy Black) bertajuk Meniti Hijrahku (edaran e-mel oleh HEI INSTUN). 	25 September 2018

20.	<p><u>Jemputan Menghadiri Program sempena Majlis Pelancaran Buku “Warisan Tanjong Malim” oleh Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI.</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Pn. Haslina binti Tan Sali (Ketua Bahagian R&D) yang mana mewakili INSTUN menghadiri jemputan ke program tersebut sempena Pesta Buku UPSI. 	26 September 2018
21.	<p><u>Jemputan Menghadiri Program Bicara Santai bersama Saiful Nang, Jurugambar Profesional anjuran UPSI</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Warga INSTUN dijemput ke program tersebut bertempat di Auditorium, Aras 4, Perpustakaan Tuanku Bainun, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Tajuk ceramah adalah “Rahsia Kaya dan Berjaya” (edaran e-mel oleh PRO INSTUN). 	27 September 2018
22.	<p><u>Hebahan / “Boost Post” Penerbitan INSTUN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Pihak Pejabat Karang Mengarang (Penerbit UPSI) bersetuju untuk melakukan hebahan / <i>boost post</i> bagi salah satu daripada 6 buah Buku Terbitan INSTUN yang bertajuk “Tanah Rizab Melayu Mengalami Kepupusan” hasil penulisan En. Mazlan Ismail dan En. Mohamed Khairi Termizi. 	19 Oktober 2018
23.	<p><u>Hebahan berkenaan Program Jelajah UCTC-UPSI “Karnival Jom Cemerlang bersama UPSI.”</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Warga INSTUN dijemput hadir ke program tersebut bertempat di Dewan Tan Sri Ghazali Jawi, Slim River & Sekolah Menengah Kebangsaan Dato’ Zulkifli Muhammad – peluang interaksi intelektual antara masyarakat sekitar dengan komuniti universiti (edaran e-mel oleh PRO INSTUN). 	20 Oktober 2018
24.	<p><u>Jemputan Sebagai Peserta Bagi Program “Perkongsian Ilmu: Perpustakaan ke Arah IR 4.0” anjuran Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Seramai 4 pustakawan INSTUN telah menghadiri program tersebut sebagai salah satu pengisian sempena Program Ilmu dan Budaya Membaca 2018 UPSI yang bertempat di Auditorium Perpustakaan, Aras 4, Kampus Sultan Abdul Jalil, UPSI. Panel jemputan adalah Tuan Sayed Munawar bin Sayed Mohd. Mustar (edaran e-mel oleh Seksyen Perpustakaan INSTUN). 	22 Oktober 2018

25.	<p><u>Lantikan Pensyarah UPSI sebagai Panel Penilai sempena Hari Inovasi INSTUN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Pelantikan Dr. Hanifah binti Mahat dari Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), UPSI sebagai panel penilai bagi pertandingan Penulisan Ilmiah Terbaik, Anugerah Penyelidikan dan Artikel. 	<p>Hebahan pertandingan adalah pada Mei; Hari Inovasi INSTUN diadakan pada 30 Oktober 2018</p>
26.	<p><u>Cetakan Buku Program Latihan Sektor Tanah dan Ukur Negara 2019</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Sebanyak 200 naskhah Buku Program Latihan 2019 telah dicetak dengan kerjasama Pejabat Karang Mengarang (Penerbit UPSI). 	<p>Disember 2018</p>
27.	<p><u>Latihan industri di INSTUN Tahun 2018</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Penempatan pelajar UPSI (seramai 3 orang) untuk menjalankan latihan industri di INSTUN bersesuaian dengan kos pengajian mahasiswa/wi. - 2014 (3 orang); 2015 (3 orang); 2016 (4 orang); 2017 (13 orang); dan 2018 (3 orang). 	<p>Dari semasa ke semasa</p>